



UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN SARAWAK (UNIONS)
JABATAN PREMIER SARAWAK,
ARAS 7 (SAYAP KIRI),
BANGUNAN BAITUL MAKMUR II,
MEDAN RAYA, PETRA JAYA
93050 KUCHING, SARAWAK

No. Tel : 082-510881
No. Faks : 082-311374

PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK BILANGAN 2 TAHUN 2026

DARIPADA : **Setiausaha Kerajaan Sarawak** KEPADA : **Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Sarawak
Semua Ketua Jabatan Badan
Berkanun Sarawak
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan Sarawak**

SALINAN :
KEPADA

PERKARA : **PELAKSANAAN MODUL PEMANTAPAN INTEGRITI, TATAKELOLA DAN
ANTIRASUAH (PINTAR) PENJAWAT AWAM SARAWAK**

RUJUKAN : **JPS/UNIONS/** TARIKH : **19 FEB 2026**
800-1/2/1 Jld.2 (75)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Modul Pemantapan Integriti, Tatakelola dan Antirasuah (PINTAR) bagi Penjawat Awam Sarawak.
- 1.2 Pelaksanaan modul ini bertujuan sebagai pemangkin bagi memperkukuh integriti, memacu tatakelola cemerlang serta menyokong inisiatif pencegahan rasuah dalam perkhidmatan awam. Ini selaras dengan aspirasi Sarawak untuk mencapai status wilayah maju dan berdaya saing menjelang 2030.
- 1.3 Modul ini juga bertujuan untuk menyelaraskan etika kerja penjawat awam Sarawak sesuai dengan piawaian antarabangsa (seperti prinsip *Environmental, Social and Governance (ESG)* dan *Sustainable Development Goals (SDG)*) bagi meyakinkan pelabur asing tentang kestabilan dan ekosistem integriti di Sarawak.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejalan dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS 2030) yang menyasarkan Sarawak sebagai wilayah maju menjelang tahun 2030, tahap kepercayaan rakyat terhadap keupayaan dan kredibiliti kerajaan amat bergantung kepada tahap profesionalisme serta integriti penjawat awam. Dalam konteks ini, *Sarawak Ombudsman Ordinance, 2023* berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang yang menggalakkan penjawat awam untuk *rethinking* pendekatan kerja sedia ada, *revisiting* dasar, prosedur dan amalan pentadbiran, serta *reforming* sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pengendalian aduan, penyiasatan salah tadbir dan pengemukakan syor penambahbaikan terhadap agensi kerajaan Sarawak.
- 2.2 Kerajaan Sarawak komited untuk memastikan integriti, tatakelola yang baik dan inisiatif antirasuah terus menjadi asas utama pentadbiran Sarawak. Usaha memperkukuhkan nilai-nilai ini adalah sejajar dengan aspirasi Sarawak untuk mencapai status wilayah maju menjelang 2030, seperti yang terkandung dalam PCDS 2030 yang menekankan kepentingan tatakelola yang baik dan integriti sebagai teras utama untuk mencapai objektif pembangunan yang mampan dan berdaya saing.
- 2.3 Pelaksanaan Modul PINTAR Penjawat Awam Sarawak adalah merupakan antara usaha proaktif kerajaan Sarawak dalam membudayakan amalan integriti di semua peringkat perkhidmatan awam Sarawak. Modul ini juga merupakan salah satu inisiatif penting dalam memastikan penjawat awam Sarawak dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menangani isu-isu integriti, tatakelola, rasuah dan salah guna kuasa sekaligus menyokong aspirasi pucuk pimpinan kerajaan Sarawak untuk mentransformasikan perkhidmatan awam yang telus, cekap dan berintegriti.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Objektif Modul PINTAR menekankan kepada pendekatan **5M** iaitu:
 - 3.1.1 Mengetahui inisiatif pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam perkhidmatan awam, termasuk memahami isu-isu generik yang berkaitan;

- 3.1.2 Memahami pelbagai jenis kesalahan rasuah, implikasi negatif jenayah rasuah terhadap organisasi dan masyarakat;
- 3.1.3 Mengadaptasi metodologi berkesan dalam menangani, mencegah serta mengambil tindakan terhadap isu-isu tatakelola, integriti dan rasuah yang berlaku dalam perkhidmatan awam Sarawak;
- 3.1.4 Mengambil tindakan secara holistik dan sistematik dalam usaha pencegahan rasuah melalui tindakan yang lebih berkesan dan strategik; dan
- 3.1.5 Melaporkan sebarang salah laku rasuah, salah tadbir serta memartabatkan nilai integriti dalam organisasi.

4.0 KUMPULAN SASARAN

- 4.1 Kumpulan sasaran yang dikenal pasti untuk mengikuti modul ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:
 - 4.1.1 Pengurusan Tertinggi atau setaraf dengannya;
 - 4.1.2 Pengurusan dan Profesional atau setaraf dengannya; dan
 - 4.1.3 Pelaksana atau setaraf dengannya.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Modul ini **wajib** untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun di organisasi masing-masing yang melibatkan semua kumpulan sasaran seperti di perenggan 4.0.
- 5.2 Modul PINTAR boleh dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian atau secara hibrid. Walau bagaimanapun, kaedah yang dipilih hendaklah mengambil kira keberkesanan penyampaian, tahap penglibatan peserta dan pencapaian hasil pembelajaran yang disasarkan.
- 5.3 Pemantauan terhadap pelaksanaan modul ini akan diselaraskan oleh Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Jabatan Premier Sarawak.

5.4 Fasilitator

- 5.4.1 Setiap agensi bertanggungjawab mengenal pasti dan melantik fasilitator untuk mengendalikan modul PINTAR mengikut topik yang ditetapkan.
- 5.4.2 Fasilitator boleh dilantik daripada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Jabatan Audit Negara (JAN), Unit Audit Dalam (UAD), Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (UPPSM), Jabatan Premier Sarawak dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak.
- 5.4.3 Sebarang kos yang terlibat bagi mengendalikan kursus tersebut adalah di bawah tanggungjawab agensi masing-masing.

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN

6.1 Peranan UNIONS

- 6.1.1 UNIONS berperanan menjalankan pemantauan bagi memastikan modul ini dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

6.2 Peranan Ketua Jabatan

- 6.2.1 Memastikan pelaksanaan modul PINTAR ini dijalankan di organisasi masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam setahun sepertimana diperkara 5.1.

6.3 Pematuhan dan Pelaporan

- 6.3.1 Semua Unit Integriti agensi diwajibkan melaporkan pelaksanaan modul ini di dalam Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi (*Agency Integrity Management System (AIMS)*) dan sesalinan laporan AIMS tersebut hendaklah di hantar ke UNIONS.
- 6.3.2 Bagi agensi yang masih belum mempunyai Unit Integriti, pelaporan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran C** kepada UNIONS.

7.0 PEMAKAIAN

7.1 Pekeliling ini dikuatkuasakan untuk Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies - GLC*) merangkumi syarikat di bawah kawalselia Kementerian Kerajaan Sarawak.

8.0 TARIKH KUATKUASA

8.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak



Modul Pemantapan Integriti, Tatakelola dan Antirasuah
(PINTAR)
Penjawat Awam Sarawak

Disediakan oleh:

Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak
(UNIONS)
JABATAN PREMIER SARAWAK

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Sejalan dengan aspirasi PCDS 2030 untuk menjadikan Sarawak menjadi wilayah maju menjelang 2030, kepercayaan rakyat terhadap keupayaan kerajaan bergantung pada tahap profesionalisme dan integriti penjawat awam. *Sarawak Ombudsman Ordinance 2023* berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang bagi memperkukuh tadbir urus melalui pengendalian aduan, penyiasatan salah tadbir dan syor penambahbaikan perkhidmatan awam.

- 1.2 Sebagai usaha untuk menangani cabaran ini, Modul Pemantapan Integriti, Tatakelola dan Antirasuah (PINTAR) Penjawat Awam Sarawak dibangunkan sebagai satu inisiatif proaktif untuk membudayakan amalan integriti di semua peringkat perkhidmatan awam.

- 1.3 Dengan penekanan kepada pendekatan holistik, Modul PINTAR memanfaatkan peluang kolaborasi bersama pihak agensi berlegitimasi seperti, Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (UPPSM), Unit Audit Dalam (UAD) di bawah Jabatan Premier Sarawak, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Jabatan Audit Negara (JAN) dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)

Sarawak. Ia merupakan satu langkah strategik dalam melahirkan penjawat awam yang berupaya menjadi pemacu integriti dan ejen perubahan dalam organisasi masing-masing.

2.0 Tajuk Modul

2.1 Modul Pemantapan Integriti, Tatakelola dan Antirasuah (PINTAR) Penjawat Awam Sarawak.

3.0 Objektif Modul

3.1 Objektif Modul PINTAR menekankan kepada pendekatan **5M** iaitu:

- a. **Mengetahui** inisiatif pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam perkhidmatan awam, termasuk memahami isu-isu generik yang berkaitan;
- b. **Memahami** pelbagai jenis kesalahan rasuah, implikasi negatif jenayah rasuah terhadap organisasi dan masyarakat;
- c. **Mengadaptasi** metodologi berkesan dalam menangani, mencegah serta mengambil tindakan terhadap isu-isu tatakelola, integriti dan rasuah yang berlaku dalam perkhidmatan awam Sarawak;

- d. **Mengambil tindakan** secara holistik dan sistematik dalam usaha pencegahan rasuah melalui tindakan yang lebih berkesan dan strategik; dan
- e. **Melaporkan** sebarang salahlaku rasuah, salahtadbir serta memartabatkan nilai integriti dalam organisasi.

Pendekatan ini juga bagi memastikan penjawat awam Sarawak mampu bertindak berdasarkan prinsip integriti dan secara efektif serta menyokong usaha kerajaan Sarawak dalam meningkatkan ketelusan serta tatakelola yang baik.

4.0 Kumpulan Sasaran

4.1 Kumpulan sasaran yang dikenal pasti untuk mengikuti modul ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

- a. Pengurusan Tertinggi atau setaraf dengannya;
- b. Pengurusan dan Profesional atau setaraf dengannya;
dan
- c. Pelaksana atau setaraf dengannya.

5.0 Kaedah Pelaksanaan dan Kekerapan

5.1 Modul ini wajib untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya **sekali dalam setahun** di organisasi masing-masing yang melibatkan semua kumpulan sasaran seperti di perenggan 4.0.

- 5.2 Modul PINTAR boleh dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian atau secara hibrid. Walau bagaimanapun, kaedah yang dipilih hendaklah mengambil kira keberkesanan penyampaian, tahap penglibatan peserta serta hasil pembelajaran yang disasarkan.
- 5.3 Agensi-agensi di bawah Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri dibolehkan untuk melaksanakan modul tersebut secara kolaborasi bagi menyokong dasar penjimatan dan perbelanjaan berhemah.

6.0 Tanggungjawab Pelaksanaan dan Pelaporan

- 6.1 Pelaksanaan modul PINTAR adalah tanggungjawab setiap agensi, dengan kos ditanggung oleh agensi masing-masing.
- 6.2 Pemantauan pelaksanaan Modul PINTAR adalah di bawah tanggungjawab Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS).
- 6.3 Bagi agensi yang mempunyai Unit Integriti, pelaksanaan modul ini wajib dilaporkan di dalam **Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi (Agency Integrity Management System atau AIMS)** dan sesalinan laporan AIMS tersebut hendaklah dihantar ke UNIONS.

- 6.4 Bagi agensi yang belum mempunyai Unit Integriti, pelaporan hendaklah dibuat menggunakan Lampiran C tersebut kepada UNIONS.

7.0 Kandungan Modul

- 7.1 Perincian kandungan Modul PINTAR adalah seperti di **Lampiran A**. Topik didalam Modul boleh disesuaikan mengikut polisi dan halatuju semasa Kerajaan Sarawak selaras dengan keperluan dan kesesuaian kumpulan sasaran.
- 7.2 Teknik pembelajaran dipecahkan kepada 50% ceramah dan 50% latihan dalam kelas. Bagi agensi yang melaksanakan modul ini secara dalam talian atau secara hibrid, latihan dalam kelas boleh digantikan dengan kaedah lain yang bersesuaian.

8.0 Fasilitator

- 8.1 Fasilitator boleh dilantik daripada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Jabatan Audit Negara (JAN), Unit Audit Dalam (UAD), Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

(UPPSM), Jabatan Premier Sarawak dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak.

- 8.2 Setiap agensi bertanggungjawab mengenal pasti dan melantik fasilitator untuk mengendalikan modul PINTAR mengikut topik yang ditetapkan.

Berikut adalah kandungan Modul PINTAR bagi kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan pelaksana.



Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Masa	Agenda
8.30 am - 9.30 am	<p>TOPIK 1: Peranan Strategik Ombudsman Sarawak dalam Memperkukuh Tadbir Urus dan Akauntabiliti Sektor Awam (Ombudsman Sarawak)</p>
9.30 am - 10.30 am	<p>TOPIK 2: Dasar/Polisi berkaitan pemerkasaan budaya integriti, tatakelola dan antirasuah dalam perkhidmatan awam (Institut Integriti Malaysia)</p>
10.30 am - 11.00 am	<p>REHAT</p>
11.00 am - 12.00 pm	<p>TOPIK 3: Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 sebagai Pemacu Reformasi Integriti dalam Perkhidmatan Awam / Isu-isu Rasuah Dalam Sektor Awam Dan Usaha Pencegahan Rasuah (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)</p>
12.00 pm - 14.00 pm	<p>REHAT UNTUK MAKAN TENGAHARI</p>
14.00 pm - 15.00 pm	<p>TOPIK 4: Isu Generik dalam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan (Jabatan Audit Negara Dan Unit Audit Dalam)</p>

15.00 pm – 16.00 pm	<p style="text-align: center;">TOPIK 5: Kepimpinan Strategik Berimpak Tinggi ke Arah Merealisasikan PCDS 2030</p> <p style="text-align: center;">(Pejabat Penasihat di Jabatan Premier Sarawak [PCDS 2030])</p>
	TAMAT

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Tarikh / Hari	Masa	Agenda
HARI PERTAMA	8.30 am – 10.30 am	TOPIK 1: Kepimpinan berteraskan Integriti (Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak)
	10.30 am – 11.00 am	REHAT
	11.00 am – 13.00 pm	TOPIK 2: Isu-isu Rasuah Dalam Sektor Awam Dan Usaha Pencegahan Rasuah (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
	13.00 pm – 14.30 pm	REHAT
	14.30 pm – 17.00 pm	Kajian Kes – Isu rasuah dan tatakelola dalam agensi masing – masing / Pembentangan (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
HARI KEDUA	8.30 am – 10.30 am	TOPIK 3: Isu Generik dalam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan (Jabatan Audit Negara / Unit Audit Dalam)
	10.30 am – 11.00 am	REHAT
	11.00 am – 13.00 pm	TOPIK 4: Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak (Ombudsman Sarawak)
	13.00 pm – 14.00 pm	REHAT

	14.00 pm - 16.00 pm	TOPIK 5: Isu-isu Disiplin dalam Perkhidmatan Awam Sarawak dan Hukuman (Unit Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Sarawak)
		TAMAT

Kumpulan Pelaksana

Tarikh / Hari	Masa	Agenda
HARI PERTAMA	8.30 am - 10.30 am	TOPIK 1: Integriti Bukan Pilihan, Tapi Kewajipan (Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak)
	10.30 am - 11.00 am	REHAT
	11.00 am - 13.00 pm	TOPIK 2: Isu-isu Rasuah Dalam Sektor Awam Dan Usaha Pencegahan Rasuah / Kajian Kes (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
	13.00 pm - 14.30 pm	REHAT
	14.30 pm - 17.00 pm	Perbincangan / Pembentangan Kumpulan (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
HARI KEDUA	8.30 am - 10.30 am	TOPIK 3: Isu Generik dalam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan (Jabatan Audit Negara / Unit Audit Dalam)
	10.30 am - 11.00 am	REHAT
	11.00 am - 13.00 pm	TOPIK 4: Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak (Ombudsman Sarawak)
	13.00 pm - 14.00 pm	REHAT

	14.00 pm - 16.00 pm	TOPIK 5: Isu-isu Disiplin dalam Perkhidmatan Awam Sarawak dan Hukuman (Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia)
		TAMAT

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MODUL PEMANTAPAN INTEGRITI, TATAKELOLA DAN ANTIRASUAH (PINTAR) PENJAWAT AWAM SARAWAK

Seperti dinyatakan dalam perkara 4.0, Kumpulan sasaran yang dikenal pasti untuk mengikuti modul ini dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu:

- a) Pengurusan Tertinggi atau setaraf dengannya;
- b) Pengurusan Profesional atau setaraf dengannya; dan
- c) Pelaksana atau setaraf dengannya.

Berikut merupakan kandungan topik yang digunakan bagi pelaksanaan Modul PINTAR mengikut kumpulan sasaran:

PENGURUSAN TERTINGGI

TOPIK 1: Peranan Strategik Ombudsman Sarawak dalam Memperkukuh Tadbir Urus dan Akauntabiliti Sektor Awam

OBJEKTIF PEMBELAJARAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Memahami peranan dan fungsi strategik Ombudsman Sarawak sebagai mekanisme semak dan imbang dalam sistem tadbir urus perkhidmatan awam Sarawak. 2. Menjelaskan hubungan antara peranan Ombudsman Sarawak dengan prinsip tadbir urus yang baik, khususnya dari aspek ketelusan, akauntabiliti dan kebertanggungjawaban pengurusan tertinggi. 3. Mengenal pasti tanggungjawab pengurusan tertinggi dalam menyokong dan memperkukuh fungsi Ombudsman Sarawak bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. 4. Mengaplikasikan pendekatan kepimpinan berintegriti dalam menangani aduan awam dan isu pentadbiran secara beretika, adil dan berfokuskan penambahbaikan sistem.
KANDUNGAN MODUL
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak. 2. Ombudsman Sarawak sebagai mekanisme akauntabiliti. 3. Peranan pengurusan tertinggi dalam menyokong fungsi ombudsman. 4. Kajian Kes Strategik

TOPIK 2: Dasar/Polisi berkaitan pemerkasaan budaya integriti, tatakelola dan antirasuah dalam perkhidmatan awam

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Mengetahui dan memahami dasar/polisi semasa berkaitan pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah.
2. Merancang serta melaksana dasar khusus bagi organisasi masing-masing berhubung pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah.
3. Merangka dan melaksanakan program dan aktiviti yang sesuai bagi memperkasa integriti, meningkatkan tatakelola dan antirasuah

KANDUNGAN MODUL

1. Dasar/polisi/arahan kerajaan yang sedang berkuat kuasa berkaitan aspek pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah.
2. Inisiatif dan strategi tindakan berkaitan pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah yang perlu dilaksanakan dalam organisasi.
3. Pemantauan dan pelaporan terhadap inisiatif pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah.

TOPIK 3: Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 sebagai pemacu reformasi integriti dalam perkhidmatan awam / Isu-isu rasuah dalam sektor awam dan usaha pencegahan rasuah

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memahami kepentingan mengenal pasti risiko rasuah, tatakelola dan integriti dalam agensi.
2. Mengetahui serta memahami langkah-langkah pencegahan bagi menilai risiko rasuah dan kesan risiko terhadap organisasi.
3. Merancang dan melaksanakan strategi tindakan antirasuah yang komprehensif dan holistik.
4. Melaksanakan pemantauan dan penilaian keberkesanan terhadap inisiatif yang dilaksanakan.
5. Memahami kesalahan-kesalahan rasuah dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.
6. Mengetahui serta memahami bidang tugas di agensi yang berisiko tinggi terlibat dengan rasuah.
7. Merangka usaha dan strategi tindakan berkaitan pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah yang perlu dilaksanakan dalam organisasi.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028.
2. Perkara-perkara penting untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko rasuah dengan berkesan dalam organisasi.
3. Membangunkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi.
4. Menilai keberkesanan strategi antirasuah sediaada dalam organisasi.
5. Senario rasuah khususnya dalam sektor awam.
6. Kesalahan-kesalahan rasuah dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.
7. Perkongsian dan contoh kes rasuah dalam Perkhidmatan Awam.
8. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.

TOPIK 4: Isu Generik alam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Trend atau isu-isu ketidakpatuhan dan salah laku yang sering berlaku dalam perolehan kerajaan.
2. Tindakan yang perlu diambil apabila berlaku ketidakpatuhan dan salah laku dalam perolehan kerajaan.
3. Merangka serta melaksanakan langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya ketidakpatuhan dan salah laku dalam perolehan kerajaan.

KANDUNGAN MODUL

1. Dasar/Peraturan/Polisi/Arahan penting yang mesti diketahui dan dipatuhi berkaitan perolehan kerajaan.
2. Isu perolehan yang sering berlaku dalam kerajaan.
3. Perkongsian kes sebenar.
4. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.

TOPIK 5: Kepimpinan Strategik Berimpak Tinggi ke Arah Merealisasikan PCDS 2030

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Menjelaskan latar belakang, rasional dan hala tuju PCDS 2030 sebagai kerangka pembangunan Sarawak.
2. Memahami enam (6) Tonggak Strategik PCDS 2030 dan hubungannya dengan kesejahteraan rakyat.
3. Mengaitkan PCDS 2030 dengan peranan dan fungsi penjawat awam dalam penyampaian perkhidmatan.
4. Menyelaraskan pelaksanaan dasar, program dan projek jabatan dengan aspirasi PCDS 2030.
5. Mengukuhkan nilai integriti, profesionalisme dan akauntabiliti dalam menjayakan PCDS 2030.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan PCDS 2030
2. Enam (6) Tonggak Strategik PCDS 2030
3. PCDS 2030 dan Peranan Penjawat Awam
4. Penterjemahan PCDS 2030 ke Pelaksanaan
5. Kajian Kes / Aktiviti PINTAR

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

TOPIK 1: Kepimpinan Berlandaskan Integriti

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memperkasakan kepimpinan berintegriti.
2. Menghayati, mengamalkan dan membudayakan prinsip dan amalan integriti dalam kepimpinan.
3. Mengenal pasti cabaran dan penyelesaian berkaitan kepimpinan berintegriti.

KANDUNGAN MODUL

1. Ciri-ciri pemimpin berintegriti.
2. Peranan pemimpin dalam membina budaya berintegriti.
3. Contoh perbuatan tidak berintegriti dan kesannya kepada organisasi.
4. Cabaran dan amalan terbaik dalam kepimpinan berintegriti.
5. Pelan tindakan untuk kepimpinan berintegriti.

TOPIK 2: Isu-isu Rasuah Dalam Sektor Awam Dan Usaha Pencegahan Rasuah

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memahami kesalahan-kesalahan rasuah dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.
2. Mengenapasti serta memahami bidang tugas di agensi yang berisiko tinggi terlibat dengan rasuah.
3. Melaksanakan inisiatif dan strategi tindakan berkaitan pemerkasaan integriti, tatakelola dan antirasuah yang perlu dilaksanakan dalam organisasi.

KANDUNGAN MODUL

1. Senario rasuah khususnya dalam sektor awam.
2. Kesalahan rasuah dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.
3. Perkongsian kes sebenar rasuah di sektor awam.
4. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.

TOPIK 3: Isu Generik dalam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Trend atau isu-isu ketidakpatuhan dan salah laku yang sering berlaku dalam perolehan kerajaan.
2. Tindakan yang perlu diambil apabila berlaku ketidakpatuhan dan salah laku dalam perolehan kerajaan.
3. Melaksanakan dan menyelia langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya ketidakpatuhan dan salah laku dalam perolehan kerajaan.

KANDUNGAN MODUL

1. Dasar/Peraturan/Polisi/Arahan penting yang mesti diketahui dan dipatuhi berkaitan perolehan kerajaan.
2. Isu perolehan yang sering berlaku dalam kerajaan.
3. Perkongsian kes sebenar.
4. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.

TOPIK 4: Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memahami peranan dan fungsi Ombudsman Sarawak.
2. Mengetahui kepentingan Ombudsman dalam mempertingkatkan tatakelola Perkhidmatan Awam Sarawak.
3. Mengaplikasi mekanisme pengaduan yang disediakan oleh Ombudsman.
4. Mengintegrasikan prinsip Ombudsman ke dalam budaya kerja.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak.
2. Peranan dan fungsi Ombudsman.
3. Aduan dalam skop Ombudsman.
4. Prosedur aduan Ombudsman.
5. Contoh isu yang ditangani oleh Ombudsman.
6. Teladan daripada aduan Ombudsman.

Topik 5: Isu-isu Disiplin dalam Perkhidmatan Awam Sarawak dan Hukuman

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memberikan pendedahan dan pemahaman kepada para peserta tentang pelanggaran tata tertib yang berlaku dalam kalangan penjawat awam Perkhidmatan Awam Sarawak.
2. Memberikan pengetahuan kepada para peserta apakah tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku pelanggaran tata tertib.
3. Para peserta mampu menjadikan pengetahuan dan pemahaman berkaitan pengurusan tata tertib sebagai panduan agar tidak terjebak dengan sebarang pelanggaran tata tertib pada masa hadapan.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada punca-punca kuasa tata tertib di dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.
2. Contoh pelanggaran-pelanggaran tata tertib yang termaktub di dalam Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Sarawak, 1996 (PAPAN 1996) dan implikasi sekiranya berlaku sebarang pelanggaran.
3. Perkongsian senario kes-kes tata tertib sebenar di dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.
4. Langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku pelanggaran tata tertib di agensi masing-masing.

KUMPULAN PELAKSANA

TOPIK 1: Integriti Bukan Pilihan, Tapi Kewajipan

OBJEKTIF PEMBELAJARAN
<ol style="list-style-type: none">1. Memahami konsep dan kepentingan integriti.2. Mengenali amalan terbaik dalam integriti perkhidmatan awam.3. Mengukuhkan budaya integriti dalam persekitaran kerja.4. Menangani isu-isu berkaitan integriti.5. Membudayakan prinsip integriti dalam setiap tindakan.
KANDUNGAN MODUL
<ol style="list-style-type: none">1. Pengenalan kepada integriti dalam perkhidmatan awam.2. Kerangka dan dasar integriti dalam perkhidmatan awam.3. Amalan dan prinsip integriti dalam pelaksanaan tugas.4. Cabaran, ancaman serta isu berkaitan integriti.5. Strategi dan langkah untuk membudayakan integriti dalam organisasi.

TOPIK 2: Isu-isu Rasuah Dalam Sektor Awam Dan Usaha Pencegahan Rasuah / Kajian Kes

OBJEKTIF PEMBELAJARAN
<ol style="list-style-type: none">1. Memahami kesalahan-kesalahan rasuah dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.2. Mengenapasti serta memahami bidang tugas di agensi yang berisiko tinggi terlibat dengan rasuah.3. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.
KANDUNGAN MODUL
<ol style="list-style-type: none">1. Senario rasuah khususnya dalam sektor awam.2. Kesalahan rasuah dan salahguna kuasa dibawah peruntukan Akta SPRM 2009.3. Perkongsian kes sebenar rasuah di sektor awam.4. Usaha dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.

TOPIK 3: Isu Generik dalam Perolehan Kerajaan dan Langkah Pencegahan / Kajian Kes

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memahami proses perolehan kerajaan yang betul.
2. Mengenal pasti kesalahan generik dalam proses perolehan.
3. Mengetahui implikasi kesalahan perolehan.
4. Mengamalkan langkah-langkah pencegahan daripada melakukan kesalahan dalam perolehan.
5. Meningkatkan kebertanggungjawaban dalam urusan perolehan kerajaan.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada peraturan utama perolehan kerajaan
2. Kesalahan-kesalahan generik dalam perolehan kerajaan
3. Impak terhadap kesalahan dalam perolehan dan perkongsian kes sebenar.
4. Inisiatif pencegahan kesalahan dalam perolehan.
5. Pembangunan sikap dan nilai dalam perolehan kerajaan.

TOPIK 4: Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memahami peranan dan fungsi Ombudsman Sarawak.
2. Mengetahui kepentingan Ombudsman dalam mempertingkatkan tatakelola Perkhidmatan Awam Sarawak.
3. Mengaplikasi mekanisme pengaduan yang disediakan oleh Ombudsman.
4. Mengintegrasikan prinsip Ombudsman ke dalam budaya kerja.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada Ombudsman Sarawak.
2. Peranan dan fungsi Ombudsman.
3. Aduan dalam skop Ombudsman.
4. Prosedur aduan Ombudsman.
5. Contoh isu yang ditangani oleh Ombudsman.
6. Teladan daripada aduan Ombudsman.

Topik 5: Isu-isu Disiplin dalam Perkhidmatan Awam Sarawak dan Hukuman

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Memberikan pendedahan dan pemahaman kepada para peserta tentang pelanggaran tata tertib yang berlaku dalam kalangan penjawat awam Perkhidmatan Awam Sarawak.
2. Memberikan pengetahuan kepada para peserta apakah tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku pelanggaran tata tertib.
3. Para peserta mampu menjadikan pengetahuan dan pemahaman berkaitan pengurusan tata tertib sebagai panduan agar tidak terjebak dengan sebarang pelanggaran tata tertib pada masa hadapan.

KANDUNGAN MODUL

1. Pengenalan kepada punca-punca kuasa tata tertib di dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.
2. Contoh pelanggaran-pelanggaran tata tertib yang termaktub di dalam Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Sarawak, 1996 (PAPAN 1996) dan implikasi sekiranya berlaku sebarang pelanggaran.
3. Perkongsian senario kes-kes tata tertib sebenar di dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.
4. Langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku pelanggaran tata tertib di agensi masing-masing.

LAMPIRAN C**Borang Laporan Pelaksanaan Modul Pemantapan Integriti, Tatakelola dan Antirasuah (PINTAR)
Penjawat Awam Sarawak**

Nama Agensi	:	
Tarikh & Tempat Pelaksanaan	:	
Kumpulan Sasaran	:	
		Pengurusan Tertinggi atau setaraf dengannya
		Pengurusan Profesional atau setaraf dengannya
		Pelaksana atau setaraf dengannya
Bilangan Peserta	:	
VIP Jemputan (Sekiranya ada)	:	
Ringkasan Dapatan Pelaksanaan	:	
Gambar Program	:	

Disediakan Oleh:

.....
(Jawatan / Agensi)
Tarikh:

Disahkan Oleh (Ketua Jabatan):

.....
(Jawatan / Agensi)
Tarikh: